

DALAM KES T-364-2010 DI TRIBUNAL KOPERASI MALAYSIA

DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, MALAYSIA

ANTARA

Haji Ibrahim bin Dato' Ali Pemohon

DAN

Koperasi Pegawai Kerajaan

Daerah Johor Bahru Berhad Responden

ALASAN AWARD

Latar Belakang

Pemohon adalah Setiausaha Responden bagi penggal 2009/2010. Pemohon telah dilucutkan jawatannya sebagai Setiausaha Responden dalam Mesyuarat Bulanan Anggota Lembaga (MBALK) Bil.6/2009/2010 pada 28.3.2010. Relif yang dipohon oleh Pemohon dalam Borang A adalah suatu pengisytiharan bahawa dia telah dilucutkan secara tidak sah kerana Responden telah bersandarkan kepada draf Undang-Undang Kecil (UUK) yang belum didaftarkan dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi melucutkan jawatannya.

Permohonan Untuk Pendakwaan

2. Selain daripada itu, Pemohon juga memohon agar pendakwaan dibuat terhadap Responden dan seorang Anggota Lembaga (ALK) yang telah mengemukakan usul pelucutan jawatan Pemohon. Pemohon memohon agar kedua-dua pihak ini didakwa di bawah subseksyen 91(1)(b) dan subseksyen 91(2) Akta Koperasi 1993. Dalam Hujahan Bertulis Pihak Pemohon (Hujahan Pemohon), satu-satunya permohonan Pemohon adalah bahawa penggantungan Responden kepada UUK R3 yang masih belum didaftarkan dengan SKM adalah tidak sah dan Pemohon menyatakan bahawa Responden telah melakukan kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 91(1)(a)-(c) Akta Koperasi 1993 dan boleh didenda di bawah seksyen 91(2) Akta yang sama.

3. Hujahan Pemohon adalah bahawa mengikut seksyen 18(2) Akta Koperasi 1993, tiada pindaan UUK sesuatu Koperasi boleh menjadi sah sehingga pindaan itu didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993, dan bagi maksud itu salinan-salinan pindaan itu hendaklah dikemukakan kepada SKM. Oleh kerana Responden telah bergantung kepada UUK yang belum didaftarkan dengan SKM iaitu R3, maka Pemohon dalam para 4 Borang A, telah memohon supaya “Responden dan Anggota Lembaga En.Ghazali bin Abdul Ghafar, dikenakan hukuman dan kompaun secara individu kerana mencabuli kedaulatan undang-undang di dalam Akta Koperasi 1993 dan Undang-Undang Kecil Koperasi Pegawai Kerajaan Daerah Johor Bahru Berhad yang berkuatkuasa pada 17/10/2006 dan boleh didakwa di bawah Seksyen 91(1)(b) dan Seksyen 91(2) Akta Koperasi 1993”.

4. Dalam para 5 Borang A, Pemohon selanjutnya memohon agar “Responden dikenakan hukuman dan denda kerana bertindak menyalahi UUK 46(1)(a)-(h) UUK Responden yang berkuatkuasa pada 17/10/2006 dan perundangan-perundangan di dalam Akta Koperasi 1993 dan khususnya subseksyen 44(1) Akta Koperasi 1993 kerana **menghalang Pemohon** dalam tempoh pelucutan jawatannya daripada menjalankan tugas-tugasnya”.

5. Semasa kes ini mula dibicarakan, Pemohon dan peguamnya telahpun diberitahu bahawa permohonannya untuk mengenakan denda dan kompaun serta untuk tindakan pendakwaan diambil terhadap Responden dan ALK yang membawa usul untuk melucutkan jawatannya adalah relif yang tidak dapat dibenarkan oleh Tribunal Koperasi ini. Tribunal Koperasi ini tidak mempunyai bidang kuasa untuk mengarahkan supaya tindakan pendakwaan diambil terhadap mana-mana pihak. Menurut seksyen 82(1) Akta Koperasi 1993, bidang kuasa Tribunal Koperasi ini hanya bagi menyelesaikan pertikaian yang menyentuh penubuhan, UUK, pemilihan pegawai-pegawai, penjalanan mesyuarat-mesyuarat agung, pengurusan atau perniagaan sesebuah koperasi sahaja, serta menyelesaikan tuntutan hutang sesebuah koperasi di bawah seksyen 82(2) dan bukan untuk mengarahkan supaya sesuatu pendakwaan dijalankan di bawah Akta Koperasi 1993.

6. Kuasa dan budibicara pendakwaan adalah terletak pada Peguam Negara Malaysia menurut Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan.

Maka, Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suaranya memutuskan bahawa relif yang dipohon oleh Pemohon di bawah perenggan 3, 4 dan 5 Borang A Pemohon agar Responden dan Ahli Lembaga didakwa kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Koperasi dan dikenakan denda atau kompaun ditolak.

Pelucutan Jawatan Pemohon Sebagai Setiausaha

7. Berkenaan dengan isu pelucutan jawatan Pemohon, adalah didapati bahawa memang terdapat kesilapan yang telah dilakukan oleh Responden di mana Responden telah bergantung kepada R3 iaitu Draf Pindaan UUK Responden yang masih belum didaftarkan di SKM untuk melucutkan jawatan Pemohon. UUK Responden yang terpakai pada masa pelucutan tersebut adalah P6 iaitu UUK Responden yang masih berkuatkuasa.

8. Dalam kes ini, Pemohon telah dilucutkan daripada jawatannya sebagai Setiausaha Responden tetapi Pemohon kekal sebagai seorang ALK dalam Responden sepertimana dinyatakan oleh SR2 dalam soal balasnya. Selepas pengundian atas usul pelucutan jawatan Pemohon dibuat dan keputusan ALK diperolehi, Pemohon telahpun dilarang oleh Responden daripada menjalankan tugas-tugas sebagai Setiausaha Responden dan tugas-tugas tersebut telahpun diambil-alih oleh seorang ALK yang lain. Akan tetapi oleh kerana Pemohon tidak mengakui keputusan yang dibuat oleh Lembaga Responden, maka Pemohon telah terus menjalankan tugas-tugasnya sebagai Setiausaha sepertimana dinyatakannya dalam keterangannya sendiri.

9. Di dalam P6 UUK 43(1) Lembaga Responden adalah bertanggungjawab untuk memastikan pentadbiran serta pengurusan Responden dikendalikan dengan teratur. UUK 43(2) Responden di P6 memperuntukkan bahawa bagi melaksanakan tanggungjawab ini, Lembaga Responden telah diberikan kuasa-kuasa dan kewajipan seperti yang terkandung dalam UUK 43(2)(a) hingga (y). UUK 43(2)(l) memberi kuasa kepada Lembaga Responden untuk -

“(l) memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berlaku di dalam Lembaga, menggantung keanggotaan anggota-anggota dan anggota Lembaga serta melucutkan jawatan-jawatan anggota Lembaga;”

10. Dengan adanya UUK ini di dalam P6, Lembaga Responden mempunyai kuasa untuk melucutkan jawatan Pemohon sebagai Setiausaha bagi memastikan bahawa pentadbiran serta pengurusan Responden dikendalikan dengan teratur. UUK yang digunakan oleh Responden bagi maksud ini adalah UUK 45(2)(m) dalam R3 yang adalah sama seperti UUK 43(2)(l) dalam P6 pada kali pertama usul itu dikemukakan.

11. Mengikut para 1(d) Hujahan Pemohon, dinyatakan bahawa “walaupun SP1 (Pemohon) telah memaklumkan kepada Responden

dalam mesyuarat 28/3/2010 mengenai Usul Pertama yang bersandarkan peruntukkan undang-undang yang salah dan patut diperbetulkan terlebih dahulu dengan bersandarkan peruntukan undang-undang yang sah, tetapi Responden tidak menghiraukan pandangan Pemohon dan terus membentang dan membincangkan Usul Pertama tersebut seterusnya membuat keputusan melucutkan jawatan Pemohon sebagai Setiausaha berkuatkuasa serta merta". Hujahan Pemohon adalah bahawa atas alasan ini sahaja, tindakan Responden melucutkan jawatan Pemohon sebagai Setiausaha Responden pada 28.3.2010 adalah batal dan tidak sah.

12. Oleh kerana kedua-dua peruntukan tersebut adalah sama dan Pemohon memang sudah tahu akan kesilapan yang telah dibuat oleh Responden semasa MBALK dan dia sendiri telah memberitahu Responden mengenai kesilapan rujukan tersebut, maka rujukan oleh Responden kepada UUK 45(2)(m) dalam R3 dan bukannya UUK43(2)(l) dalam P6 adalah suatu kesilapan teknikal sahaja dan bukannya sesuatu yang telah memprejudiskan Pemohon dalam pembelaannya. Tiada sebarang keterangan yang dikemukakan oleh Pemohon bagi menunjukkan bahawa dia terkeliru dengan penggantungan Responden kepada R3 dan bukannya P6. Oleh kerana Pemohon sendiri telah sedar dan memberitahu Responden berkenaan kesilapan tersebut, maka Tribunal Koperasi ini berpendapat bahawa Pemohon tidak terkhilaf dan tidak tersalah anggap berkenaan peruntukkan yang Responden hendak menggunakan untuk melucutkan jawatannya.

13. Setelah keputusan pelucutan Pemohon dibuat oleh MBALK Bil.6 2009/2010 pada 28.3.2010, Responden telah membuat usul kedua bertarikh 8.4.2010 untuk sekali lagi melucutkan jawatan Pemohon dengan serta-merta berdasarkan atas pertuduhan-pertuduhan yang sama tetapi dengan bergantung kepada peruntukan UUK yang berlainan. Mengikut Responden, perkara ini telah berlaku kerana Pemohon telah mengganggu dan tidak mengiktiraf pelantikan Setiausaha yang baru dan bagi memuaskan hati Pemohon. Pemohon menyatakan bahawa dia tidak mengiktiraf perlucutan jawatannya oleh Responden kerana dia tidak diberi masa yang mencukupi untuk menjawab tuduhan terhadapnya mengikut prinsip "*natural justice*".

14. Manakala SR5 dalam Pemeriksaan Utamanya di R5 menyatakan bahawa Pemohon sendiri sebagai Setiausaha telah selalu memberikan *short notice* untuk bermesyuarat dan mengubah agenda atau minit mesyuarat sesuka hati. Usul yang hendak dibahaskan dalam mesyuarat tersebut telah tidak dimasukkan oleh Pemohon ke dalam agenda. Pemohon juga langsung tak membela diri malah meninggi suara mengatakan usul tersebut tidak sah dan mengulangi beberapa kali.

15. Semasa Pemeriksaan Balas, keterangan Responden ini telah tidak dibatalkan dan dengan ini diterima oleh Tribunal Koperasi ini. Segala keterangan Pemohon adalah berkaitan prosidur sahaja dan tidak sekalipun berkaitan dengan penafian pertuduhan terhadapnya.

16. Walau apapun yang telah berlaku, pertikaian penggantungan jawatan Pemohon sebagai Setiausaha Responden telah pun diselesaikan dengan surat bertarikh 8.5.2010 di ms 48 Borang A. Surat tersebut bertajuk **“Cadangan Untuk Ditangguhkan Seketika (“Silent”) Ke Atas Usul Bertarikh 1 Mac 2010 Dan 8 April 2010 Bagi Memberi Laluan Kepada Persiapan Mesyuarat Agung Ke-44 – Cadangan Berkuatkuasa Serta-Merta”**. Para 2 surat tersebut menyatakan bahawa demi menjaga keharmonian Mesyuarat Agung akan menjelang tiba, maka usul-usul yang telah dikemukakan telah ditangguhkan. Menurut keterangan yang diberikan oleh SR2, dia dinasihatkan supaya memberi laluan kepada MAT yang sudah hampir tiba dan penggal Pemohon sebagai ALK pun akan tamat pada tarikh MAT pada 26 Jun 2010 di mana Pemohon juga telah masuk bertanding dalam MAT tersebut.

17. Menurut keterangan yang dikemukakan, usul yang dikemukakan di MBALK telahpun sebenarnya diabaikan (abandoned) dan dengan surat bertarikh 11.5.2010, Pemohon telahpun dipulihkan kepada jawatannya sebagai Setiausaha Responden sehingga Mesyuarat Agung Ke 44 di mana terdapat pengundian ALK yang baru bagi penggal yang baru iaitu 2010/2011. Menurut surat Pengerusi Responden bertarikh 11.5.2010, di ms 50 P1, Pemohon “mengekal jawatan sebagai Setiausaha Koperasi berkuatkuasa serta merta mulai dari tarikh 10hb Mei, 2010” berikutan keputusan yang dibuat dalam Mesyuarat Khas Anggota Lembaga pada 9.5.2010.

18. Tempoh penggantungan jawatan Pemohon sebagai Setiausaha adalah dari 28.3.2010 sehingga 10.5.2010 iaitu selama 42 hari sahaja, iaitu suatu jangka masa yang agak pendek. Isu berkenaan usul penggantungan jawatan Pemohon telah menjadi suatu “non issue” dengan keputusan ini dan telah diselesaikan dengan pemulihannya sebagai Setiausaha Responden sehingga akhir penggalnya. Maka Tribunal Koperasi ini mendapati bahawa Pemohon telah kekal menjadi Setiausaha Responden sehingga habisnya penggalnya.

19. Oleh kerana penggal Pemohon sebagai ALK tamat pada Mesyuarat Agung Ke 44 dan Pemohon telah tidak dipilih semula sebagai ALK maka Pemohon tidak boleh dikekalkan sebagai Setiausaha ataupun ALK Responden dalam penggal 2010/2011. Tribunal Koperasi ini memutuskan dengan sebulat suara bahawa tidak ada isu berkenaan pelucutan jawatan Pemohon yang perlu diputuskan dalam kes ini kerana isu tersebut tidak wujud lagi apabila Responden membuat keputusan untuk tidak meneruskan dengan usul pelucutan jawatan Pemohon dengan surat daripada Pengerusi Responden mengembalikannya ke jawatannya. Aduannya berkenaan UUK salah yang digunakan untuk melucutkannya daripada jawatannya telah luput dengan pemulihan tersebut .

20. Berkenaan dengan pemakaian UUK 36(2) di P6, adalah didapati bahawa Lembaga Responden mempunyai kuasa untuk

menggantungkan jawatan mana-mana ALK dari jawatannya dalam keadaan yang tertentu. UUK 36(2) adalah seperti berikut:

“36(2) Menurut subseksyen 47(1) Akta, seseorang anggota Lembaga hendaklah digantung dari jawatannya jika-

(a) –

(b) majoriti anggota-anggota Lembaga berpuas hati anggota itu telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi ini menurut subperaturan 20(1) Peraturan.

(3) Tiap-tiap kes penggantungan di bawah perenggan (b) fasal (2) undang-undang kecil ini, hendaklah didengar oleh mesyuarat agung yang terawal diadakan selepas penggantungan itu dan anggota yang digantung jawatannya oleh Lembaga itu hendaklah diberi kesempatan untuk memberi penjelasannya menurut subperaturan 20(4) Peraturan, dan hendaklah tertakluk kepada pengesahan atau pengetepian oleh majoriti anggota-anggota yang hadir di dalam mesyuarat agung itu menurut subperaturan 20(3) Peraturan.

(4) Anggota yang dilucutkan atau digantung jawatannya hendaklah dengan serta merta diberitahu secara bertulis dan, menurut subperaturan 20(2) Peraturan hendaklah dengan segera berhenti daripada menjalankan segala hak [hal] dalam pengurusan atau pentadbiran hal ehwal Koperasi ini.”

21. Setelah menelitikan UUK ini dan juga fakta-fakta kes yang telah dikemukakan, Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suaranya mendapati bahawa UUK 36(2) hanya terpakai jika Pemohon digantung jawatannya sebagai ALK dan bukannya sebagai Setiausaha sahaja. Ini adalah kerana pelantikan Pemohon sebagai Setiausaha adalah keputusan yang dibuat oleh kalangan ALK yang telah dilantik oleh MAT termasuk Pemohon sendiri menurut UUK 43(2)(a) di P6. Memandangkan kepada fakta bahawa Lembaga ALK telah membuat keputusan pelantikan Pemohon ke jawatan Setiausaha, maka Lembaga ALK Responden berkuasa membuat keputusan untuk melucutkannya dari jawatan tersebut seperti mana yang telah diperuntukkan mengikut UUK 43(2)(l).

22. UUK 36(2) dan 36(3) terpakai dalam kes penggantungan jawatan seorang ALK daripada Lembaga Responden. Lembaga tersebut hanya boleh menggantung seseorang ALK sementara menunggu MAT terdekat untuk membuat keputusan sama ada hendak mengeneipkan

atau mengesahkan keputusan Lembaga. Lembaga tidak mempunyai kuasa di bawah UUK 36(2) untuk terus melucutkan seseorang ALK dari jawatannya sebagai anggota Lembaga. Hanya dalam keadaan yang disebutkan di bawah UUK 36(1) sahaja, seseorang anggota ALK boleh dilucutkan jawatannya.

23. Jika Responden hendak meneruskan dengan usul untuk melucutkan jawatan Pemohon sebagai Setiausaha, semestinya Responden hendaklah memberi masa yang mencukupi kepada Pemohon untuk memberikan penjelasannya terhadap pertuduhan-pertuduhan yang telah dibawa terhadapnya. Akan tetapi dalam kes ini, usul tersebut telah ditangguhkan dengan serta-merta dan Pemohon telahpun dipulihkan sebagai Setiausaha Responden. Dalam keadaan ini, dakwaan Pemohon bahawa dia telah didakwa di bawah UUK yang salah tidak membawa apa-apa kesan lagi. Kecuali jika Pemohon mengalami sebarang kerugian atas perbuatan Responden tersebut, dan terdapat bukti kerugian tersebut, Tribunal Koperasi ini boleh membuat keputusan membenarkan tuntutan gantirugi atau pampasan. Akan tetapi, Pemohon telah tidak meminda permohonannya memohon gantirugi atau pampasan daripada Responden dan tetap dengan pendiriannya memohon supaya Responden dikenakan denda atau kompaun sahaja.

24. Tribunal Koperasi ini memandang berat ke atas cara pengendalian pembentangan usul di mana tindakan pelucutan diambil dan selepas itu usul kedua itu “ditangguhkan seketika” bersama-sama dengan

‘Cadangan berkuatkuasa serta merta’, dan kemudian Pemohon “dikekalkan jawatannya sebagai Setiausaha Koperasi bagi memberi laluan kepada persiapan Mesyuarat Agung Ke 44” kerana perkara ini adalah sesuatu yang serius dan apabila telah dimulakan satu langkah, langkah-langkah yang seterusnya mesti diikuti sehingga penghabisannya. Responden diingatkan supaya lebih menghayati UUKnya sendiri serta menguruskan pentabirannya dengan lebih teliti agar ALK yang lain tidak menghadapi kesulitan yang serupa di masa depan. Tindakan tidak tentu arah ini langsung tidak patut berlaku dan Lembaga Responden hendaklah memastikan perkara sedemikian tidak berlaku di masa depan.

25. Adalah didapati bahawa Peguam Pemohon telah bersemangat mengemukakan suatu kes bagi pihak Pemohon walaupun pertikaian dalam kes ini sudah menjadi akademik dan jika sesuatu keputusan kes boleh dibuat berdasarkan kepada semangat dan ketekunan yang ditunjukkan oleh Peguam Pemohon maka jelaslah bahawa Tribunal Koperasi ini akan membuat keputusan yang memihak kepada Pemohon. Akan tetapi, oleh kerana sesuatu keputusan kes hendaklah dibuat dengan berdasarkan kepada fakta dan undang-undang maka, Tribunal Koperasi ini tidak dapat membuat keputusan yang memihak kepada Pemohon.

26. Secara kesimpulan, walaupun dengan teguran di atas, adalah didapati bahawa berdasarkan kepada keseluruhan fakta kes, tuntutan Pemohon untuk dipulihkan sebagai Setiausaha Responden tidak dapat

dibenarkan. Maka Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suaranya menolak relif yang dipohon oleh Pemohon supaya diisytiharkan sebagai tidak sah pelucutan jawatannya. Kedua-dua pihak hendaklah menanggung kosnya sendiri.

Bertarikh 15 Julai 2011

PUAN TAN GHEE PHAIK
PENGERUSI TRIBUNAL

Saya setuju dengan Alasan Award di atas.

PUAN ROSMAWATI BINTI HASAN
ANGGOTA PANEL SKM

Saya setuju dengan Alasan Award di atas.

TUAN HAJI NADZIL BIN CHE LONG
ANGGOTA PANEL KOPERASI